

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI I : 2023 / 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 20213
PRINSIP PERAKAUNAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT BELAS (14)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.


BAHAGIAN A*[40 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Proses yang menunjukkan turutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan ialah CLO1
T3

- A sistem perakaunan.
- B konsep perakaunan.
- C kitaran perakaunan.
- D prinsip perakaunan.

2. Rajah 1 adalah sebahagian daripada proses kitaran perakaunan. CLO1
T3



Rajah 1

Apakah Y?

- A Lejar.
 - B Buku Tunai.
 - C Imbangan Duga.
 - D Buku Catatan Pertama.
3. Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi dokumen perniagaan? CLO1
T3
- A Sebagai alat perancang dan kawalan.
 - B Sebagai rujukan pihak bank meluluskan pinjaman.
 - C Sebagai bukti bertulis bahawa sesuatu urusan niaga telah berlaku.
 - D Sebagai dokumen sokongan bagi penyediaan penyata kewangan.

4. Pilih dokumen yang digunakan dalam urus niaga tunai

CLO1

T3

- I Resit
- II Nota debit
- III Nota kredit
- IV Baucar bayaran

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

5. Apakah tujuan diskaun niaga diberikan?

CLO1


T3

- A Meningkatkan keuntungan peniaga.
- B Mendorong pembeli membeli secara pukal.
- C Menggalakkan pembeli membayar dengan cek.
- D Mengelakkan risiko hutang lapuk dalam perniagaan.

6. Rajah 2 menunjukkan jenis-jenis jurnal.

CLO1

T3



Rajah 2

Manakah yang berkaitan dengan X?

- A Jurnal Am.
- B Jurnal Jualan.
- C Jurnal Pulangan Belian.
- D Jurnal Pulangan Jualan,.

7. Urus niaga di bawah diambil daripada buku Perniagaan Jinny.

CLO1

T3

Membayar gaji berjumlah RM26,000.00 kepada para pekerja

Apakah dokumen yang digunakan oleh Perniagaan Jinny dalam urus niaga tersebut?

- A Memo.
- B Resit.
- C Bil tunai.
- D Baucar pembayaran.

8. Pada 15 Mac 2023, Encik Kim telah membeli barang niaga bernilai RM 13,000.00 secara kredit. Syarat diskaun adalah seperti yang berikut:

CLO1

T3

5% 5 hari, 2% 15 hari

Berapakah jumlah hutang yang perlu dibayar jika Encik Kim menjelaskan hutangnya pada 22 Mac 2023?

- A RM 12,350.00
- B RM 12,740.00
- C RM 13,000.00
- D RM 13,260.00

9. Rekod urus niaga di dalam Buku Catatan Pertama dibuat berdasarkan dokumen sumber. Pilih padanan yang **BETUL**.

CLO1

T3

	Buku Catatan Pertama	Dokumen Sumber
A	Jurnal Jualan	Bil Tunai (asal)
B	Jurnal Belian	Invois (asal)
C	Jurnal Pulangan Jualan	Nota Kredit (asal)
D	Jurnal Penerimaan Tunai	Resit (asal)

10. Rajah 3 di bawah ialah memo daripada seorang pengurus kepada kerani akaunnya.

CLO1
T3

MEMO Perniagaan Maria No.140 Jalan KL 81930 Bandar Penawar 07-8225500 Kepada : Kerani Akaun Daripada : Pn. Mariana (Pengurus) Tarikh : 4/12/2023 Perkara : Sila rekodkanambilan barang niaga bernilai RM280.00 untuk tujuan promosi (free sample). <i>Mariana</i> (Pengurus)
--

Rajah 3

Catatan di Jurnal Am yang perlu dibuat oleh kerani akaun ialah

	Debit	Kredit
A	Akaun Belian	Akaun Ambilan
B	Akaun Belian	Akaun Promosi
C	Akaun Ambilan	Akaun Belian
D	Akaun Promosi	Akaun Belian

11. Manakah antara urus niaga yang berikut direkodkan dalam Akaun Ambilan?

CLO1
T3

- A** Mengambil barang niaga untuk tujuan promosi.
- B** Mengambil tunai di bank untuk kegunaan perniagaan.
- C** Mengambil komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan.
- D** Mengambil tunai perniagaan untuk bayaran yuran pengajian anak.

12. Antara yang berikut, urus niaga manakah mempunyai catatan bergu yang **SALAH?**

CLO1
T3

	Urus niaga	Catatan Bergu	
		Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
I	Membayar bil elektrik daripada Tenaga Nasional secara tunai	Kadar bayaran	Tunai
II	Jualan perabot lama secara tunai	Tunai	Jualan
III	Van peribadi digunakan di syarikat	Kenderaan	Modal
IV	Ambilan barang niaga untuk kegunaan peribadi	Belian	Ambilan

- A** I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

13. Pindahkan catatan berikut ke dalam lejar

CLO1T3**Jurnal Am**

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2023		RM	RM
Jan 9	Perabot I-Home Trading (Membeli perabot pejabat secara kredit)	1,800.00	1,800.00

A

Akaun Belian

	RM	
Perabot	1,800.00	

Akaun I-Home Trading

		RM
	Belian	1,800.00

B

Akaun Perabot

	RM	
I-Home Trading	1,800.00	

Akaun I-Home Trading

		RM
	Perabot	1,800.00

C

Akaun I-Home Trading

	RM	
Bank	1,800.00	

Akaun Bank

		RM
	Perabot	1,800.00

D

Akaun I-Home Trading

	RM	
Perabot	1,800.00	

Akaun Perabot

		RM
	I-Home Trading	1,800.00

14. Apakah fungsi Imbangan Duga?

CLO1

T4

- A Menghitung jumlah modal.
- B Menyemak ketepatan catatan bergu.
- C Mengira untung kasar dan untung bersih.
- D Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan.

15. Pernyataan manakah yang **BETUL** mengenai catatan baki tunai dan baki akaun-akaun lejar dalam Imbangan Duga?

CLO1

T4

- A Semua baki debit dicatatkan di ruangan kredit Imbangan Duga.
- B Semua baki kredit dicatatkan di ruangan debit Imbangan Duga.
- C Semua baki debit dicatatkan di ruangan debit Imbangan Duga.
- D Setiap baki dicatatkan di kedua-dua ruangan debit dan kredit Imbangan Duga.

16. Akaun manakah yang disenaraikan di ruangan debit Imbangan Duga?

CLO1

T4

- A Pinjaman.
- B Pemiutang.
- C Gaji dibayar.
- D Komisen diterima.

17. Manakah catatan Imbangan Duga berikut yang **BETUL**?

CLO1

T4

	Debit	Kredit
I	Alat tulis	Modal
II	Sewa dibayar	Pemiutang
III	Perabot	Diskaun diberi
IV	Pulangan jualan	Angkutan masuk

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

18. Kesilapan ini berlaku apabila catatan bergu diterbalikkan walaupun dicatatkan dalam dua akaun yang betul. Apakah kesilapan tersebut? CLO1
T4

- A Kesilapan prinsip.
- B Kesilapan songsang.
- C Kesilapan seimbangan.
- D Kesilapan penghitungan.

19. Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku Kedai Buku Sinaran. CLO1
T4

Imbangan Duga pada 30 Jun 2023

	RM		RM
Belian	12,020.00	Modal	18,000.00
Tunai	?	Jualan	12,000.00
Kenderaan	20,000.00	Overdraft bank	3,000.00

Berapakah nilai tunai dalam Imbangan Duga di atas?

- A RM 980.00
 - B RM 13,000.00
 - C RM 20,980.00
 - D RM 33,000.00
20. Antara kesilapan berikut, yang manakah **TIDAK** menjejaskan keseimbangan Imbangan Duga? CLO1
T4
- A Jualan tunai hanya direkodkan dalam Buku Tunai sahaja.
 - B Ambilan barang niaga tidak direkodkan dalam mana-mana buku.
 - C Pembelian alat tulis direkodkan di sebelah debit Akaun Alat Tulis dan juga Buku Tunai.
 - D Belanja am RM 256.00 direkodkan dengan betul dalam Buku Tunai tetapi dicatatkan sebagai RM 265.00 dalam Akaun Belanja Am.

BAHAGIAN B

[60 markah]

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.


Soalan 1

- a) Rajah berikut menunjukkan kitaran perakaunan yang tidak lengkap.
Nyatakan **A** dan **B**.

CLO1

T3

[4 markah]



- b) Invois yang berikut diperoleh daripada Kedai Perabot Zaman.

CLO1

T3

ASAL	INVOIS PERNIAGAAN PERABOT BP 119 JALAN SELESA, 82000 JOHOR BAHRU	P1980		
Kepada : Kedai Perabot Zaman Lot 10 Taman Suria 83000 Kulai				
BIL	BUTIRAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Meja belajar	15	300.00	4,500.00
2.	Kerusi beroda	20	50.00	1,000.00
				5,600.00
Tolak : Diskaun Niaga 20%				1,120.00
JUMLAH				4,480.00
(Ringgit Malaysia : Empat Ribu Empat Ratus Lapan Puluh Sahaja) K. & K di K 10% 7 hari 5% 14 hari Angkutan dibayar				
 Penerima			 Pengurus	

Berpandukan invois di atas,

- i. siapakah pembekal dalam urus niaga ini?
- ii. siapakah pembeli dalam urus niaga ini?
- iii. mengapakah invois disediakan?

[1 markah]

[1 markah]

[2 markah]

- c) Urus niaga yang berikut diambil daripada rekod perakaunan Pembekal Aina.

CLO1

T3

2023

- Mac 9 Jual barang niaga kepada Kedai Jimmy berjumlah RM 20,000.00 secara kredit, kurang 10% diskaun niaga.
- 14 Mengeluarkan nota kredit kepada Kedai Jimmy pada harga senarai RM 1,800.00.

- i. Apakah dokumen yang terlibat dalam urus niaga bertarikh 9 Mac 2023?

[1 markah]

- ii. Kirakan jumlah hutang Kedai Jimmy.

[3 markah]

- d) Baki aset dan liabiliti Perniagaan Maju Terus pada 1 Jun 2023 adalah seperti berikut:

CLO1

T3

Butiran	RM
Tunai di tangan	3,400.00
Tunai di bank	35,600.00
Lengkapan	12,400.00
Stok	34,800.00
Penghutang – Kedai Amina	8,210.00
Pemiutang – Putra Enterprise	9,060.00
Pinjaman bank	10,000.00
Modal	P

- i. Sediakan Jurnal Am untuk merekod urus niaga di atas.

[3 markah]

- ii. Kirakan nilai **P**

[1 markah]

- e) Nyatakan akaun yang didebitkan dan akaun yang dikreditkan bagi setiap urus niaga yang berikut:

CLO1

T3

- i. Menerima pinjaman bank.

[2 markah]

- ii. Beli aset daripada Kedai Komputer J secara kredit.

[2 markah]

Soalan 2

- a) Nyatakan **DUA (2)** fungsi dokumen perniagaan. CLO1
[2 markah] T3
- b) Senaraikan **EMPAT (4)** jenis Jurnal Khas. CLO1
[4 markah] T3
- c) Terangkan **DUA (2)** jenis Lejar. CLO1
[4 markah] T3
- d) Urus niaga yang berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Surani CLO1
T3

2023

- Jun 1 Baki tunai di tangan RM 1,890.00
Baki tunai di bank RM 640.00
3 Belian barang niaga dengan cek RM 600.00
8 Terima cek daripada Kedai Juara RM1,000.00
18 Terima komisen secara tunai RM 315.00

Daripada urus niaga di atas, anda dikehendaki,

- i. merekodkan urus niaga ke dalam Buku Tunai 2 lajur.
[2 markah]
- ii. tutup dan imbangkan Buku Tunai tersebut.
[2 markah]

- e) Jurnal Jualan dan Jurnal Pulangan Jualan di bawah diperoleh daripada CLO1
Perniagaan Matahari. T3

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Folio	No Invois	Jumlah
2023				RM
Mei 2	Kedai Amira		1208	4,500.00
18	Pasar Mini Abadi		1209	3,800.00
25	Pasar Mini Abadi		1210	1,500.00
31	Akaun Jualan			9,800.00

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Folio	No Invois	Jumlah
2023				RM
Mei 4	Kedai Amira		NK1008	120.00
31	Akaun Pulangan Jualan			120.00

Daripada jurnal di atas, anda dikehendaki,

- i. pindahkan catatan dari jurnal ke lejar yang berkaitan.

[4 markah]

- ii. imbangkan lejar tersebut.

[2 markah]

Soalan 3

- a) Nyatakan **EMPAT (4)** tujuan penyediaan Imbangan Duga.

CLO1

[4 markah]

T4

- b) Tandakan (/) pada lajur debit atau kredit bagi baki-baki yang berikut untuk menunjukkan jenis baki mengikut lazimnya di dalam Imbangan Duga.

CLO1

T4

[8 markah]

Jenis Akaun	Dt.	Kt.
Jualan		
Pinjaman		
Pulangan Belian		
Mesin/Jentera		
Alat Tulis		
Hasil komisen		
Penghutang		
Pemiutang		

Nota : Sila jawab di helaian lampiran yang disertakan di muka surat terakhir soalan

- c) Baki akaun berikut diperoleh daripada buku perakaunan Perniagaan Zara pada 31 Mei 2023.

CLO1

T4

	RM		RM
Modal	70,830.00	Tunai	1,900.00
Belian	42,300.00	Stok	10,120.00
Jualan	65,430.00	Premis	60,000
Pinjaman	20,000.00	Insurans	960.00
Penghutang	6,210.00	Gaji	24,500.00
Pemiutang	8,340.00	Kadar bayaran	2,700.00
Bank	16,540.00	Komisen diterima	630.00

Dari maklumat di atas, sediakan Imbangan Duga pada 31 Mei 2023.

[8 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab